



INSAN & KOMUNITI

24 JUL, 2023

Terbaiklah TDM Plantation! GLC Terengganu bina 712 rumah untuk pekerja! Pastikan kebajikan terjaga!



@mohammad ishak

Bekas penulis Kumpulan NSTP selama 35 tahun sebelum bersara pada Oktober 2018 dan berkhidmat di Terengganu. Pernah membongkar peristiwa sembahyang dua imam dalam satu kampung di Daerah Besut selain perkampungan Kerajaan Langit Ayah Pin.

Share this



Dr Ahmad Samsuri Mokhtar memotong riben sebagai gimik perasmian rumah pekerja di Ladang Jaya, Sungai Tong, Terengganu

TDM Berhad anak syarikat kerajaan negeri Terengganu melalui TDM Plantation Sdn. Bhd. (TDMP) membina 712 unit rumah bagi menggantikan kediaman yang telah usang dan memastikan kebajikan pekerjanya terbela.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, projek yang menelan kos RM70 juta itu disasarkan siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun bermula 20 Oktober 2021.

Terbaharu katanya, pihak kerajaan telah menyerahkan 56 unit rumah yang telah siap dibina kepada penerima di Ladang Jaya, Sungai Tong, Setiu, manakala 24 unit lagi kini dalam pembinaan dan 200 unit lagi dijangka akan mula dibina pada tahun ini (2023).

"Kita memulakan projek pembinaan rumah bagi menggantikan rumah lama ini dijalankan secara berperingkat-peringkat melibatkan empat fasa," katanya.



Dr Ahmad Samsuri beramah mesra dengan seorang penerima rumah

Beliau berkata, tujuannya adalah untuk menambahkan keselesaan, dari rumah kayu yang tidak selesa kepada rumah yang lebih kondusif untuk memberikan keselesaan kepada pekerja bersama anak dan keluarga.

"Projek pembinaan perumahan TDMP ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk memastikan kebajikan dan kesejahteraan khususnya rakyat luar bandar," katanya lagi.

Bukan itu sahaja, TDMP turut menitikberatkan pendidikan anak-anak peladang dengan menyediakan perkhidmatan penghantaran ke sekolah untuk memudahkan urusan pembelajaran serta meringankan beban ibu bapa mereka, lambah Menteri Besar. - **KitaReporters**



Penerima rumah bergambar kenangan bersama Menteri Besar Terengganu selepas menerima kunci rumah

Tags:

- #pekerja
- #rumah
- #rumah lama
- #Setiu
- #Dr Ahmad Samsuri Mokhtar
- #kebajikan
- #kediaman
- #rumah usang
- #rumah baharu
- #Sungai Tong
- #syarikat berkaitan kerajaan (GLC)
- #keselesaan
- #Menteri Besar Terengganu
- #rumah pekerja
- #kebajikan pelajar
- #TDM Berhad
- #TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP)
- #Ladang jaya



0 comments

Sort by Oldest